

Elak anak guna gajet keterlaluan ketika PKPB

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk kebanyakan negeri diumumkan baru-baru ini disusuli pengumuman penutupan sekolah seluruh negara pasti memberi kesan kepada pendidikan anak.

Walaupun pendidikan dalam talian diteruskan, pasti tidak sama dengan pembelajaran di sekolah yang membolehkan interaksi secara langsung dengan guru dan rakan lain.

Itu belum dikira murid tidak dapat mengakses internet kerana tinggal di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai liputan internet memuaskan.

Bagi anak di rumah, sama ada ibu bapa bekerja dari rumah atau perlu ke pejabat, cabaran utama adalah pengurusan masa.

Jika di sekolah, anak mempunyai jadual dan disiplin. Bermula bangun pagi untuk ke sekolah hingga waktu makan yang berjadual, kelas serta aktiviti dengan pelbagai mata pelajaran, kelas fardu ain serta aktiviti kokurikulum waktu petang yang membolehkan.

Kepadatan aktiviti fizikal dan mental dalam pembelajaran membuatkan anak pulang ke rumah dalam keadaan penat, disambung dengan bermain waktu petang. Selepas Isyak, biasanya mereka mudah untuk tidur awal.

Dalam suasana sekolah ditutup sementara, cabaran utama ibu bapa adalah memastikan anak dapat mengikuti

kelas secara maya dengan baik dan memanfaatkan masa di rumah. Ini tidak mudah bagi setiap keluarga.

Sesetengah ibu bapa mengambil jalan mudah memberikan gajet dengan akses internet kepada anak untuk memastikan kurang gangguan ketika bekerja.

Namun, impak solusi ini cukup bahaya jika penggunaan gajet diberikan tanpa kawalan dan panduan. Kesannya amat buruk dan mempunyai risiko tertentu pada setiap peringkat usia.

Bagi anak yang masih kecil, gajet menyebabkan berlaku masalah dalam perkembangan pembelajaran membabitkan kemahiran motor kasar dan halus.

Kesannya, anak sukar menulis dan kurang kemahiran tangan yang cukup penting untuk masa depannya.

Selain itu, anak sukar untuk fokus, bermasalah dalam interaksi sosial dengan rakan sebaya dan masalah penglihatan kerana terlalu lama mengadap skrin.

American Academy of Pediatrics mencadangkan, bagi kanak-kanak bawah lima tahun, hanya satu jam waktu pendedahan kepada skrin untuk mengelak masalah perkembangan pembelajaran dan penglihatan.

Bagi yang dalam usia persekolahan, termasuk remaja, pendedahan kepada

bahan dalam internet tanpa tapisan lebih berbahaya.

Kandungan lucu, ganas dan romantik membuatkan mereka ketagih dan rosak akal fikirannya.

Selain tidur terganggu kerana terlalu lama menggunakan telefon pada waktu malam di bilik sendiri, risiko remaja diintai di alam maya oleh penjenayah seksual juga benar-benar berlaku.

Sebab itu remaja perlu sentiasa diingatkan bahaya nyata yang wujud di alam maya.

Dalam suasana PKPB, ibu bapa wajib mengawal gajet yang digunakan anak. Zaman teknologi dan keperluan semasa untuk pembelajaran, gajet dan anak memang tidak akan dapat dipisahkan, namun sekurang-kurangnya ibu bapa perlu memberi panduan serta kawalan penggunaan ketika di rumah.

Kenal pasti apa yang dilihat anak, awasi jejak mereka di alam maya dan beri ingatan supaya tidak mendedahkan maklumat peribadi atau gambar intim di alam maya.

Selain itu, hadkan penggunaan, terutama pada waktu malam. Galakkan anak keluar bermain dan meneroka kerana itu fitrah dunia kanak-kanak yang mesti dilalui.



Penggunaan gajet bagi anak berusia bawah lima tahun boleh mengganggu perkembangan pembelajaran dan penglihatan.

Mohd Hisham Mohd Sharif
Pensyarah Universiti Utara Malaysia